


Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah

Volume 22 No. 1 (2026)

ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328

Homepage: <https://jmqs.usim.edu.my/>



- Title : **Islamic Philological Analysis of Rasm, Ḍabt, and Qirā'āt in the Editorial Revision of the Sumbawa Qur'anic Manuscript by Shaykh al-Maqāri' Tuan Haji Hassan bin Ismail**
- Author (s) : Mohd Nazir Kadir, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Mohd Hakim Mothar Rijan, Masfira Binti Hilman
- Affiliation (s) : Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Melaka
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.621>
- History : Received: March 30, 2026; Revised: May 10, 2026; Accepted: June 1, 2026; Published: June 30, 2026.
- Citation : Mohd Nazir Kadir, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Mohd Hakim Mokhtar Rijan, & Masfira Binti Hilman. Analisis Filologi Terhadap Aspek Rasm, Ḍabt dan Qirā'āt dalam Suntingan Manuskrip al-Quran Sumbawa oleh Shaykh al-Maqāri' Tuan Haji Hassan bin Ismail: Islamic Philological Analysis of Rasm, Ḍabt, and Qirā'āt in the Editorial Revision of the Sumbawa Qur'anic Manuscript by Shaykh al-Maqāri' Tuan Haji Hassan bin Ismail. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 22(1), 167–234.
<https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.621>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest

**Analisis Filologi Terhadap Aspek Rasm, *Ḍabt* dan *Qirā'āt* dalam
Suntingan Manuskrip al-Quran Sumbawa oleh Shaykh al-Maqāri'
Tuan Haji Hassan bin Ismail**

**Islamic Philological Analysis of Rasm, Ḍabt, and Qirā'āt in the
Editorial Revision of the Sumbawa Qur'anic Manuscript by
Shaykh al-Maqāri' Tuan Haji Hassan bin Ismail**

Mohd Nazir Kadir*
Masfira Binti Hilman
Sekolah Pengajian Islam
Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim

Mohd Faizulamri Mohd Saad
Pusat Kajian Al Quran dan Al Sunnah
Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohd Hakim Mokhtar Rijan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Islam Melaka

Abstrak

Kajian ini menganalisis aspek rasm, *ḍabt* dan *qirā'āt* dalam suntingan manuskrip al-Quran Sumbawa yang dilakukan oleh Shaykh al-Maqāri' Tuan Haji Hassan bin Ismail melalui pendekatan filologi. Penelitian ini bertujuan menelusuri kaedah dan prinsip penyemakan teks yang diaplikasikan oleh beliau dalam memastikan ketepatan dan kesahihan penulisan al-Quran, khususnya dari sudut struktur rasm, sistem tanda bacaan *ḍabt al-Qur'ān* dan pemilihan varian *qirā'āt*. Permasalahan kajian berpunca daripada keterbatasan kajian terdahulu yang kurang memberi penekanan terhadap peranan ulama tempatan sebagai penyunting manuskrip al-Quran di Alam Melayu, terutama dari perspektif analisis tekstual dan kritik filologikal. Metodologi kajian berasaskan analisis filologi dengan meneliti ciri tekstual manuskrip, membandingkan bentuk rasm dan *ḍabt*, serta menilai kesesuaian pembetulan yang dibuat berdasarkan disiplin ilmu *qirā'āt* dan rasm '*Uthmānī*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa suntingan Shaykh al-Maqāri' dilaksanakan secara sistematik berteraskan tradisi keilmuan al-Quran dengan

*Correspondence concerning this article should be addressed to Mohd Nazir Kadir, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI) at nazir@kuijsi.edu.my

penekanan terhadap penyeragaman rasm, pengukuhan sistem *ḍabt* dan pemeliharaan bacaan *qirā'āt* yang muktabar. Kajian ini menyimpulkan bahawa sumbangan beliau bukan sekadar bersifat teknikal, malah mencerminkan kesinambungan tradisi filologi Islam dalam konteks manuskrip al-Quran di Alam Melayu, sekali gus memperkaya wacana kajian manuskrip al-Quran tempatan dari sudut ilmu teks.

Kata kunci: Tuan Haji Hassan bin Ismail, manuskrip al-Quran Sumbawa, arkib negara, filologi Islam

Abstract

The preservation of the Qur'anic text throughout Islamic history has relied not only on oral transmission but also on rigorous textual traditions encompassing *rasm*, *ḍabt*, and *qirā'āt*. Within the Malay-Islamic world, Qur'anic manuscripts constitute significant intellectual and cultural artefacts that reflect the transmission of Qur'anic scholarship across generations. Nevertheless, existing studies have predominantly focused on codicological and artistic dimensions, while the philological contributions of local scholars involved in manuscript verification and textual correction remain insufficiently explored. This study aims to analyse the philological dimensions of the editorial revision undertaken by Shaykh al-Maqāri' Tuan Haji Hassan bin Ismail on the Sumbawa Qur'anic Manuscript, with particular attention to the aspects of *rasm*, *ḍabt*, and *qirā'āt*, and to evaluate his scholarly contribution to the preservation of Qur'anic textual authenticity in the Malay world. Employing a qualitative philological approach, the study conducts textual analysis and comparative examination of the manuscript against the 1924 Cairo *Muṣḥaf* edition, supported by archival documents, manuscript annotations, and classical works on *rasm* and *qirā'āt*. The findings reveal that Shaykh al-Maqāri' implemented a systematic editorial methodology through textual emendations, marginal annotations, and corrective insertions aimed at standardising orthographic forms, refining recitational markings, and clarifying recognised *qirā'āt* variants. His revisions demonstrate adherence to the principles of *rasm 'Uthmānī*, accuracy in *ḍabt* conventions, and preservation of authoritative *qirā'āt* traditions. More significantly, the study highlights that his editorial interventions extended beyond technical corrections, embodying a sophisticated Islamic philological practice rooted in scholarly verification (*taḥqīq*) and textual authentication. The research argues that Shaykh al-Maqāri's work represents a continuation of the Islamic manuscript verification tradition in Southeast Asia and provides valuable evidence of the intellectual authority exercised by local Qur'anic scholars in safeguarding the integrity of the Qur'anic text. Consequently, the study contributes to the growing discourse on Qur'anic

manuscript studies, Islamic philology, and the intellectual history of the Malay-Muslim world.

Keywords: Tuan Haji Hassan bin Ismail; Sumbawa Qur'anic Manuscript; National Archives; Islamic Philology; Qur'anic Textual Editing

Pendahuluan

Al-Quran merupakan kitab suci umat Islam yang menjadi panduan utama dalam pembentukan akidah, ibadah dan akhlak. Sejak awal penurunannya, pemeliharaan keaslian dan kesahihan teks al-Quran telah diberi perhatian serius melalui tradisi hafazan para huffaz serta penyalinan naskah bertulis. Usaha ini bertujuan memastikan wahyu Ilahi terpelihara daripada sebarang perubahan, di samping mengekalkan keseragaman bacaan dan penulisan sebagaimana yang diwariskan daripada Rasulullah SAW dan para sahabat (al-Zarkashī, 2001; al-Suyūṭī, 2008). Dalam konteks ini, aspek rasm, *ḍabt* dan *qirā'āt* memainkan peranan penting sebagai kerangka asas dalam pemeliharaan teks al-Quran, khususnya dalam tradisi penulisan dan penyalinan manuskrip.

Di Alam Melayu, tradisi penyalinan al-Quran berkembang seiring dengan penyebaran Islam dan menjadi medium penting dalam memperkukuh kefahaman agama masyarakat setempat. Manuskrip-manuskrip al-Quran yang dihasilkan bukan sahaja berfungsi sebagai teks bacaan, malah menampilkan ciri keindahan seni khat, sistem rasm dan elemen hiasan seperti iluminasi dan jidar. Keistimewaan manuskrip al-Quran Nusantara terserlah melalui penggabungan unsur estetik tempatan dengan prinsip penulisan al-Quran yang berteraskan tradisi Islam sejagat, sekali gus mencerminkan proses pengadaptasian budaya tanpa mengabaikan ketepatan teks wahyu (Hasnul, 2013; Gallop, 2019). Oleh yang demikian, manuskrip-manuskrip ini menjadi sumber penting dalam memahami sejarah keilmuan, perkembangan Islam dan kesenian Islam di rantau ini, di samping membuktikan kewujudan tradisi intelektual tempatan yang dinamik.

Selain aspek fizikal dan seni, manuskrip al-Quran di Alam Melayu turut memperlihatkan tahap penguasaan ilmu rasm, *ḍabt* dan *qirā'āt* dalam kalangan penyalin dan ulama setempat. Namun, kajian terdahulu didapati lebih menumpukan perhatian terhadap dimensi artistik dan pemeliharaan bahan, manakala penelitian terhadap kaedah penyemakan teks dan peranan tokoh penyunting manuskrip masih relatif terhad (Yakib et al., 2014). Hakikat ini menuntut kajian yang lebih mendalam terhadap aspek filologi dan penyuntingan bagi menilai sejauh mana prinsip keilmuan al-Quran diaplikasikan dalam tradisi penulisan manuskrip tempatan.

Dalam konteks ini, manuskrip al-Quran Sumbawa yang disalin oleh Haji Ismail bin al-Sawi pada tahun 1273H merupakan antara naskhah bernilai tinggi di Nusantara. Manuskrip ini memperlihatkan ketelitian penyalinan yang berpandukan prinsip rasm *'Uthmānī* dan *qirā'āt* yang muktabar serta mencerminkan jaringan keilmuan Islam yang merentasi wilayah kepulauan Nusantara. Selain itu, kewujudan proses penyemakan dan suntingan terhadap manuskrip ini, khususnya oleh Shaykh al-Maqāri' Tuan Haji Hassan bin Ismail menonjolkan peranan ulama tempatan sebagai muḥaqqiq iaitu penyunting dalam memastikan ketepatan teks al-Quran. Kajian terhadap manuskrip ini bukan sahaja menyingkap aspek teknikal penulisan al-Quran, malah membuka ruang untuk memahami sumbangan tokoh ulama tempatan dalam kesinambungan tradisi filologi Islam di Alam Melayu (Makmur et al., 2019; Salmah et al., 2020).

Pernyataan Masalah


Walaupun pelbagai kajian telah dijalankan terhadap manuskrip al-Quran di Alam Melayu dari sudut kodikologi dan seni penyalinan, namun aspek filologi Islam yang meneliti bentuk suntingan teks, sistem rasm, *ḍabt* dan *qirā'āt* masih kurang diberi perhatian secara mendalam. Ketiadaan analisis menyeluruh terhadap peranan ulama tempatan seperti Shaykh al-Maqāri' Tuan Haji Hassan bin Ismail dalam menyemak dan membetulkan teks manuskrip al-Quran Sumbawa menyebabkan sumbangan beliau terhadap ketepatan teks dan kesinambungan tradisi tidak didokumentasikan secara ilmiah. Tambahan pula, kebanyakan kajian terdahulu menumpukan pada aspek fizikal dan estetik manuskrip, bukan pada kritikan teks (*textual criticism*) dan rasionalisasi editorial (*editorial rationale*) yang menjadi asas dalam bidang filologi Islam. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan meneliti bagaimana proses penyuntingan yang dilakukan oleh Shaykh al-Maqāri' mencerminkan pendekatan filologi terhadap pengejalan ketulenan teks al-Quran di rantau Nusantara.

Objektif Kajian

1. Menganalisis aspek filologi Islam dalam suntingan manuskrip al-Quran Sumbawa yang dilakukan oleh Shaykh al-Maqāri' Tuan Haji Hassan bin Ismail.
2. Mengenal pasti pendekatan dan rasional di sebalik pembetulan teks melibatkan unsur rasm, *ḍabt* dan *qirā'āt*.
3. Menilai sumbangan ilmiah Shaykh al-Maqāri' dalam konteks tradisi penyemakan dan pemeliharaan ketulenan teks al-Quran di Alam Melayu.

Pengenalan Manuskrip al-Quran Sumbawa

Manuskrip al-Quran Sumbawa merupakan sebuah mushaf tulisan tangan yang disalin oleh tokoh bernama Haji Ismail bin al-Sawi al-Jawi al-Bugisi al-Manpawaba al-Buni, sebagaimana yang dinyatakan secara jelas dalam catatan kolofon berbahasa Arab pada halaman akhir manuskrip. Identiti penyalin ini bukan sahaja memberikan gambaran tentang latar keilmuannya, malah mencerminkan jaringan intelektual dan mobiliti ulama Nusantara yang merentas wilayah serta budaya dalam tradisi penyalinan al-Quran.




Gambar 1: Kolofon manuskrip al-Quran sumbawa
Sumber: Arkib Negara Malaysia Negeri Johor

Dari segi kandungan, manuskrip ini terdiri daripada 602 halaman yang memuatkan keseluruhan teks al-Quran bermula daripada surah *al-Fātiḥah* hingga *al-Nās*. Pembahagian juz dalam manuskrip ini secara umumnya menunjukkan susunan 20 halaman bagi setiap juz, kecuali juz ke-30 yang mengandungi 22 halaman. Variasi ini bukanlah suatu kejanggalan, malah merupakan amalan yang lazim dalam tradisi penulisan mushaf di Alam Melayu. Penetapan bilangan halaman bagi setiap juz tidak bersifat wajib, sebaliknya bergantung kepada pilihan dan kebiasaan para penyalin. Hal ini dapat diperhatikan dalam beberapa manuskrip al-Quran lain antaranya Mushaf ke-3 koleksi Museum Sunan Giri Gresik yang turut menggunakan susunan 20 halaman bagi setiap juz. Sebaliknya, Mushaf 1 koleksi museum yang sama hanya mengandungi antara 16 hingga 17 halaman bagi setiap juz, Mushaf ke-2 berjumlah 18 halaman, Mushaf ke-4 antara 15 hingga 16 halaman, manakala Mushaf ke-5 pula antara 18 hingga 20 halaman bagi setiap juz (Syaifuddin & Muhammad Musadad, 2015).

Dari sudut susunan baris, manuskrip al-Quran Sumbawa menggunakan 15 baris bagi setiap halaman biasa, sejajar dengan kebanyakan manuskrip al-Quran tradisional di Alam Melayu. Teknik ini dapat diperbandingkan dengan beberapa manuskrip lain seperti Mushaf Lalino, iaitu mushaf wakaf daripada keluarga Kesultanan Bima, Nusa Tenggara Barat, melalui Hj. Siti Maryam Rahmat Salahuddin; Mushaf Sarung Batik dari Kesultanan Cirebon, Jawa Barat; Mushaf Solo yang dikenal pasti berasal dari Solo; Mushaf Kauman Timur dari Kotamadya Semarang; Mushaf Pandeglang dari Kampung Maluku, Labuan, Pandeglang, Banten; serta Mushaf Cipete dari Cipete Utara, Jakarta (Asep Saefullah, 2006). Selain itu, Jonni Syatri (2014)

turut menyenaraikan Mushaf A dalam koleksi Museum al-Qur'an Institut PTIQ yang berasal dari Bangkalan, Madura, serta Mushaf D dari Tasikmalaya, Jawa Barat.

Walaupun demikian, terdapat variasi kecil dalam beberapa halaman tertentu, seperti pada halaman ke-287 manuskrip al-Quran Sumbawa yang hanya mengandungi 14 baris, meliputi bahagian akhir surah *al-Isrā'*. Amalan susunan 15 baris ini turut ditemui dalam Mushaf al-Quran Pojok Menara Kudus (Annas Zaenal Muttaqin, 2010) serta manuskrip al-Quran MSS 4136 koleksi Perpustakaan Negara Malaysia yang berukuran 30.5 × 20 cm (Riswadi Azmi, 2018).



Gambar 2&3: Surah *al-Fātihah* dan surah *al-Baqarah*
Sumber: Arkib Negara Malaysia Negeri Johor



Gambar 4: Disalin oleh Muhammad bin Abdullah al-Jawi al-Bugisi (kanan)

Gambar 5: Abdurrahman bin Ayub bin Abdul Baqi al-Sumbawi (kiri)


Sumber: <http://quran-nusantara.blogspot.com/2012/04/tradisi-mushaf-al-quran-di-lombok.html#more>

Perbezaan bilangan halaman bagi juz ke-30 dalam manuskrip al-Quran Sumbawa berpunca daripada susunan dua surah terakhir, iaitu *al-Falaq* dan *al-Nās* yang ditulis secara berasingan pada dua halaman yang saling

berhadapan, iaitu halaman kanan dan kiri. Susun atur ini mengekalkan konvensi penulisan mushaf tradisional, di mana surah *al-Fātiḥah* lazimnya dimulakan pada halaman kanan. Manakala surah *al-Baqarah* bermula pada halaman kiri dengan penulisan ayat 1 hingga 4. Keseluruhan format ini memperlihatkan kepatuhan penyalin terhadap norma penulisan mushaf yang diterima dalam tradisi manuskrip al-Quran di Alam Melayu.

Berdasarkan penelitian terhadap keratan kertas bertampal di bahagian akhir manuskrip, dapat dikenal pasti bahawa naskhah ini telah ditemukan di Masjid Teluk Sengat, Pengerang pada tahun 1949 yang kini dikenali sebagai Masjid Jamek Teluk Sengat, Jalan Siakap, Kota Tinggi. Penemuan tersebut dilakukan oleh pegawai masjid sebelum manuskrip ini diserahkan kepada Kutubkhanah Mufti Johor. Rekod ini memberikan maklumat penting tentang sejarah pemilikan dan pemeliharaan manuskrip al-Quran Sumbawa, di samping menunjukkan peranan institusi agama negeri dalam melindungi khazanah manuskrip Islam tempatan.

Maklumat lanjut berkaitan proses penyemakan manuskrip ini diperoleh melalui sebuah surat rasmi bertajuk "*Quran Telok Sengat*" yang dikirim oleh Penjaga Kutubkhanah Mufti, Jabatan Mufti Johor, di bawah seliaan Haji Sa'id bin Haji Abdul Hadi, bertarikh 7 Oktober 1964. Surat tersebut menyatakan bahawa pihak jabatan telah meminta Shaykh al-Maqāri' Tuan Haji Hassan bin Ismail untuk menyemak mushaf berkenaan. Dokumen ini merupakan bukti bertulis yang signifikan tentang pengiktirafan pihak berautoriti agama negeri Johor terhadap kepakaran Shaykh al-Maqāri' dalam bidang al-Quran, khususnya dalam aspek rasm, *ḍabt* dan *qirā'āt*. Justeru, penyemakan yang dilakukan terhadap manuskrip al-Quran Sumbawa bukan sekadar bersifat teknikal, malah berfungsi sebagai proses pengesahan ilmiah yang menegaskan kedudukan manuskrip ini sebagai teks al-Quran yang sah dan boleh dirujuk.



Gambar 6: Keratan surat rasmi yang bertajuk 'Quran Telok Sengat'
Sumber: Arkib Negara Malaysia Negeri Johor

Tinjauan Literatur

Kajian literatur ini menyorot latar belakang Shaykh al-Muqari' Tuan Haji Hassan bin Ismail, seorang tokoh ulama berwibawa dalam bidang qiraat dan

ilmu al-Quran di negeri Johor. Kedudukannya sebagai Syaikhul Maqari' menjadikan beliau tokoh yang berautoriti dalam memastikan ketepatan bacaan dan penulisan al-Quran. Antara sumbangan penting beliau ialah usaha tahkik atau suntingan terhadap manuskrip al-Quran Sumbawa, khususnya melibatkan aspek rasm, ḍabt dan qiraat. Usaha ini bukan sahaja memastikan manuskrip tersebut terpelihara daripada kesilapan, malah memperlihatkan ketelitian serta kearifan beliau dalam menjaga keaslian teks al-Quran, sekali gus meneguhkan kedudukan Johor sebagai pusat kecemerlangan ilmu al-Quran pada zamannya.

Latar Belakang Shaykh Al-Muqari' Tuan Haji Hassan Bin Ismail

Kajian biografi merupakan suatu pendekatan penyelidikan yang menumpukan kepada pengkajian latar belakang, pengalaman hidup dan sumbangan individu, sama ada berdasarkan penceritaan langsung, dokumen rasmi, rekod arkib atau penulisan oleh pihak lain. Menurut Othman Lebar (2021), kajian biografi berfungsi untuk merekonstruksi perjalanan hidup seseorang individu secara sistematik bagi memahami konteks sosial, pendidikan dan keilmuan yang membentuk pemikiran serta sumbangannya. Dalam kajian manuskrip, pendekatan biografi memainkan peranan penting sebagai sebahagian daripada metode kodikologi, khususnya untuk mengenal pasti identiti tokoh yang terlibat sama ada sebagai penyalin, penyunting atau pentahqiq manuskrip, di samping menilai tahap keintelektualan dan autoriti keilmuannya.

Dalam konteks manuskrip al-Quran Sumbawa, naskhah ini telah disemak (tahqiq) oleh seorang tokoh ulama tempatan yang dikenali sebagai Shaykh al-Maqāri' Tuan Haji Hassan bin Ismail. Manakala penyalinan asal manuskrip tersebut dilakukan oleh Haji Ismail bin al-Sawi al-Jawi al-Bugisi al-Manpawaba al-Buni, sebagaimana yang dinyatakan dalam catatan kolofon berbahasa Arab pada halaman akhir manuskrip. Pemisahan peranan antara penyalin dan penyemak ini penting untuk difahami bagi mengelakkan kekeliruan dalam penilaian sumbangan keilmuan setiap tokoh. Kolofon manuskrip berkenaan menjadi sumber primer yang bernilai dalam mengenal pasti identiti penyalin serta konteks penghasilan mushaf tersebut.

Maklumat berkaitan latar belakang Shaykh al-Maqāri' Tuan Haji Hassan bin Ismail didapati agak terhad dalam sumber-sumber umum. Namun demikian, sebuah kajian komprehensif oleh Abd. Mutalip Abd. Rahim (2008) telah memperincikan asal-usul, latar pendidikan dan sumbangan beliau dalam bidang al-Quran. Shaykh al-Maqāri' dilahirkan pada 11 Februari 1916 di Kampung Lubuk Batu, Segamat, Johor. Sejak usia muda, beliau telah didedahkan dengan pendidikan agama, dan pada usia 10 tahun, beliau

bertemu dengan Shaykh Jamil al-Banjari, seorang ulama Arab yang datang ke Tanah Melayu sebagai pembimbing jemaah haji. Dengan keizinan bapanya, beliau berangkat ke Mekah pada tahun 1926 bagi melanjutkan pengajian agama secara formal.

Pengajian beliau bermula di Masjid al-Haram dan Madrasah Dār al-'Ulūm al-Dīniyyah di Mekah antara tahun 1930 hingga 1936. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian khusus dalam bidang qiraat di Madrasah al-Tajwīd wa al-Qirā'āt al-Salabiyyah, Kaherah, sehingga tahun 1940 dan memperoleh ijazah serta syahadah dalam bidang tajwid dan qirā'āt. Kesungguhan beliau dalam bidang ini diteruskan dengan pengajian lanjutan di Maahad Qirā'āt Shoubra antara tahun 1940 hingga 1945, di mana beliau dianugerahkan Ijazah Qirā'āt 'Āsyarah Şughrā oleh gurunya, seorang qāri' terkenal Masjid Sayyidi 'Alī Zayn al-'Ābidīn. Pengiktirafan tersebut disertakan dengan taqrīr rasmi bahawa beliau layak untuk mengajar dan menyebarkan ilmu qirā'āt sebagaimana yang telah dipelajari (Abd. Mutalip Abd. Rahim, 2008).

Menurut al-Jufri (2012) pada penghujung tahun 1946, Shaykh al-Maqāri' pulang ke tanah air dan kemudiannya menerima pengiktirafan sebagai Shaykh al-Maqāri' daripada Universiti al-Azhar, suatu gelaran yang jarang dianugerahkan kepada tokoh Melayu pada ketika itu. Sekembalinya ke Johor, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam di Jabatan Agama Johor dan seterusnya dilantik sebagai kadi di beberapa daerah seperti Mersing, Kluang dan Kota Tinggi, sebelum kembali bertugas di Johor Bahru sekitar tahun 1960-an. Dalam bidang al-Quran, beliau turut berperanan sebagai jurulatih negeri Johor dalam Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan, sekali gus memperlihatkan kepercayaan tinggi pihak berautoriti terhadap kepakarannya.

Pengiktirafan terhadap keilmuan beliau turut dizahirkan melalui pelantikan beliau sebagai penyunting bagi sebuah manuskrip al-Quran yang berusia lebih 100 tahun, iaitu manuskrip al-Quran Sumbawa (Mohd Nazir Kadir et al., 2020). Pelantikan ini menunjukkan bahawa kepakaran Shaykh al-Maqāri' dalam bidang rasm, *dabt* dan *qirā'āt* bukan sahaja diiktiraf secara akademik, malah diterima secara rasmi oleh institusi agama negeri. Selanjutnya, kepakarannya dalam bidang qirā'āt juga telah membawa kepada penganugerahan gelaran Shaykhul Qurra' oleh masyarakat, sekali gus menegaskan pengaruh dan pengiktirafan beliau dalam konteks keilmuan dan sosial.

Selain itu, antara tokoh utama yang menjadi guru beliau termasuk bapanya sendiri, Tuan Haji Ismail bin Yusof, di samping beberapa ulama terkemuka lainnya seperti Shaykh 'Abdullah bin Qasim Sanggora (Abd.

Mutalip Abd. Rahim, 2008). Menurut Shahrudin Saad et al. (2018), Shaykh ‘Abdullah bin Qasim Sanggora lebih dikenali dengan panggilan Tok Senggora dan merupakan salah seorang ulama Melayu yang memainkan peranan penting dalam mengembangkan syiar Islam di Nusantara.

Guru beliau seterusnya adalah Shaykh ‘Amir bin al-Sayyid bin ‘Uthmān al-Maṣrī al-Azharī yang merupakan salah seorang Shaykh di Maahad Qirat al-Azhar yang telah melahirkan beberapa ulama qiraat hebat seperti Shaykh Muhammad Sadiq Qamhawi, Dr. Muhammad Salim Muhaysin dan Shaykh ‘Abdul Fattah al-Marsafi (al-Atrash, 2011). Beliau kemudian menerima ijazah lengkap dalam Qirā’āt ‘Āsyarah Ṣughrā daripada Shaykh Muhammad bin Sulaymān al-Sa’īdī al-Shindīlī al-Azharī (Abd. Mutalip Abd. Rahim, 2008).


Tambahan pula, sumbangan Shaykh al-Maqāri’ Tuan Haji Hassan bin Ismail tidak terhad kepada bidang pentadbiran dan pendidikan semata-mata, malah beliau turut menonjol dalam seni tarannum serta penjurian tilawah al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di samping itu, keahliannya dalam tarannum turut dirakam melalui penulisan yang diterbitkan dalam *Majalah Warta Jabatan Agama Johor* bil. 127 (Mohd Hasbie al-Shiddique et al., 2023). Sehubungan itu, keseluruhan latar pendidikan, pengiktirafan dan sumbangan beliau jelas menegaskan kedudukannya sebagai salah seorang tokoh unggul dalam sejarah perkembangan ilmu al-Quran dan pendidikan Islam di Malaysia, sekaligus menjadi rujukan utama bagi kajian manuskrip di rantau ini.

Analisis Filologi Manuskrip Al-Quran Sumbawa

Peranan Shaykh al-Muqri’ Tuan Haji Hassan terhadap manuskrip al-Quran Sumbawa dapat dikenalpasti secara jelas melalui analisis filologi, yang menekankan pemerhatian sistematik terhadap struktur dan teks. Dalam proses penyuntingan yang dilakukannya, beliau menambah tampalan teks pada hampir setiap halaman, menunjukkan perhatian beliau terhadap ketepatan bacaan dan pemeliharaan naskhah asal.

Pemerhatian terhadap tampalan kecil yang ditempatkan di bahagian luar jidar menunjukkan bahawa sebahagian besar tampalan menggunakan kertas bercetak, manakala sebahagian lain ditulis tangan. Perbezaan ini bukan sahaja mencerminkan usaha beliau dalam mengekalkan kesinambungan dan kesahihan teks, tetapi juga menyediakan petunjuk penting bagi pengkaji filologi tentang tahap pembedahan, pengesahan dan adaptasi manuskrip dari segi bahan, teknik serta format penulisan. Melalui pendekatan ini, Shaykh al-Muqri’ berjaya memastikan manuskrip al-Quran Sumbawa kekal relevan dan boleh dirujuk secara kritikal dalam kajian filologi

serta tradisi pengajian qiraat di rantau ini. Berikut adalah contoh kertas tampalan tersebut:



Gambar 7&8: Teks bertampal tulisan tangan
Sumber: Koleksi Arkib Negara Malaysia Negeri Johor


Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini dijalankan melalui analisis tekstual dan perbandingan terhadap manuskrip al-Quran Sumbawa dengan semakan yang dilakukan oleh Shaykh al-Maqāri' melibatkan aspek rasm, *ḍabt al-Quran* dan *qirā'āt* dengan berpandukan mushaf cetakan Mesir 1924 yang diketuai oleh Syeikh Muḥammad 'Alī Khalaf al-Ḥusaynī al-Ḥaddād sebagai rujukan utama. Melalui pendekatan ini, dapat dikenal pasti kaedah suntingan yang diterapkan serta peranan signifikan beliau dalam memastikan ketepatan penyalinan dan keseragaman bentuk tulisan. Pendekatan analisis ini bukan sahaja menyingkap sumbangan beliau terhadap disiplin ilmu al-Quran, malah memperlihatkan kesinambungan tradisi pentashihan mushaf di Alam Melayu.

Hasil Kajian Dan Perbincangan

Justeru berdasarkan pemerhatian terhadap kertas tampalan tersebut, pengkaji mendapati penyuntingan yang dilakukan merangkumi tiga aspek iaitu (1) rasm dan (2) *ḍabt al-Qur'ān* iaitu tanda bacaan dan (3) *qirā'āt*. Aspek rasm adalah bentuk tulisan dan ejaan huruf-huruf al-Quran yang diperbetulkan atau ditambah bagi menepati kaedah penulisan mushaf. Kedua, *ḍabt al-Qur'ān* iaitu satu disiplin ilmu yang berkaitan tanda-tanda bacaan seperti tanda *sukūn*, sabdu serta hamzah dan yang ketiga, *qirā'āt* iaitu perbezaan cara bacaan yang mutawatir dalam ilmu qiraat, sama ada melibatkan perbezaan pada huruf atau baris. Ketiga-tiga aspek ini menunjukkan bahawa penyuntingan tersebut bukan sahaja bersifat teknikal tetapi juga menzahirkan kepakaran penyunting dalam disiplin ilmu al-Quran yang lebih mendalam.

i. Aspek *rasm*






Gambar 9: Surah *al-Fātihah*, ayat ke-2, 6 dan 7
 Sumber: Koleksi Arkib Negara Malaysia Negeri Johor

Bagi memperjelas sampel imej di atas, dapat diperhatikan bahawa terdapat tiga tampalan pada bahagian luar jidar halaman kanan yang masing-masing merujuk kepada perkataan **العالمين** ayat ke-2, **الضراط** ayat ke-6 dan **صراط** ayat ke-7. Manakala penggunaan warna dakwat adalah hitam dan merah. Berdasarkan teks utama ayat al-Quran perkataan **أَعَالِيهِمْ**, **الضَّرَاطُ** dan **صِرَاطِ الْكَرِيمِ** yang ditulis dengan *ithbāt* alif. Oleh yang demikian bagi mendapat penjelasan berdasarkan perbincangan ilmu *rasm 'uthmāni*, ulama rasm sepakat mengatakan kalimah (العالمين) ditulis tanpa alif. Namun bagi kalimah (الصراط) dan (صراط) pula, ulama rasm berselisih pendapat sama ada *ithbāt* alif atau *hazf* (Ghānim Qaddūri 2016 & Abū Zaithar 2009). Oleh itu kedua-dua kaedah penulisan tersebut masih dalam ruang lingkup *rasm 'uthmāni*. Kenyataan ini dikukuhkan lagi sebagaimana yang disebut oleh al-Kharrāz dalam qasidahnya *Maurīd al-Zam'ān* (Abū Zaithar, 2019):

وَفِي صِرَاطٍ خُلْفُهُ ...

Terjemahan: “Dan pada kalimah (صراط) para ulama berkhilaf (*ithbāt* atau *hazf* alif ...”.

Manakala kalimah kedua pula penyalin menulis dengan *ithbāt* alif selepas huruf lam pada perkataan **لِلْمَلَكَةِ** surah *al-Baqarah*: 34. Teks bertampal pula ditulis *hazf* alif selepas lam: **لِلْمَلَكَةِ**. Bagi mengukuhkan perbincangan ini, pengkaji menampilkan satu kesimpulan yang telah dihipunkan oleh al-Kharrāz (2009) dengan menyenaraikan 23 kalimah *hazf* alif apabila berdekatan dengan huruf lam sepertimana yang terdapat dalam kitab *al-Muqni'*. Sebagai contoh perkataan (خُلْفِ), surah *al-Arfān*: 165 dan (تَلْتَلِي)


seperti dalam surah *al-Baqarah*: 196 & 228 serta kalimah (الْمَلِكَةِ) di seluruh al-Quran. Oleh itu perkataan yang tidak menepati kaedah *rasm 'uthmāni* adalah  sahaja yang ditulis secara *ithbāt* alif. Manakala mengekalkan alif pada  dan  adalah berdasarkan aliran mazhab Abū 'Amr al-Dāniy sebagaimana yang terdapat pada Mushaf al-Quran Standar Indonesia.



Gambar 10 & 11: Mushaf al-Quran Standar Indonesia
Sumber: Mushaf al-Quran al-Majid

Perbezaan antara teks utama manuskrip dan teks tampalan yang dilakukan oleh penyunting berlaku kerana secara amnya, penyalinan ayat al-Quran dalam manuskrip al-Quran di Alam Melayu sebahagiannya adakalanya bertepatan dengan rasm 'Uthmani atau pun percampuran (Jonni Syatri, 2012).

Manakala teknik penyuntingan yang diterapkan pula adalah berasaskan mushaf cetakan Mesir yang mengikuti pendapat al-Shaykhān, iaitu pendekatan yang bersandarkan mazhab Abū 'Amr al-Dāniy dan aliran mazhab Abū Dāwud. Namun demikian, sekiranya berlaku perbezaan pandangan antara kedua-duanya, maka pendapat Abū Dāwud ditarjihkan dalam penentuan bentuk penulisan. Hal ini dapat dijadikan bukti dari kata-kata penyunting berdasarkan keratan surat rasmi yang ditujukan kepada Tuan Setiausaha Jabatan Agama Johor seperti berikut:






Gambar 12: Surat rasmi Shaykh al-Maqari' kepada tuan Setiausaha Jabatan Agama Johor

Sumber: Arkib Negara Malaysia, Johor Bahru

Penumpuan boleh dilakukan pada petikan berikut: "...kiranya tuan suka hendak mendapat keterangan yang lebih lanjut lagi daripada

kenyataan... bolehlah tuan bandingkan Quran Pengerang ini dengan Quran Mesir yang bersain dan diakui oleh...”. Oleh itu pengkaji membuat kesimpulan bahawa metode penyuntingan yang dilakukan merujuk kepada mushaf cetakan Mesir tersebut. Mushaf Mesir yang pertama yang telah ditandatangani oleh Faḍīlah al-Ustāz al-Jalīl al-^cAllamah al-Syeikh Muhammad ^cAli Khalaf al-Husainiy al-Haddād, iaitu mantan Syaikhul Maqari’ kerajaan Mesir atau mushaf keduanya yang ditandatangani oleh Faḍīlah al-Ustāz al-Jalīl al-^cAllāmah Tāj al-Qurrā’ al-Syaikh Muhammad ^cAli al-Dabbā^c, iaitu mantan wakil Syaikhul Maqari’ kerajaan Mesir.

Seterusnya contoh ayat ke-83 surah al-*Baqarah* pada perkataan  dengan *ithbāt* alif selepas huruf ta’. Manakala ayat ke-178 mendapati penyalin telah menulis perkataan (فِي الْفَتْحَى) tanpa ya’ selepas huruf lam: . Malah kedua-dua perkataan tersebut diberi bentuk bulat dengan dakwat bewarna merah sebagai isyarat berlakunya kesilapan semasa proses penyalinan al-Quran. Berdasarkan hemat pengkaji, aktiviti tersebut lebih kemungkinan dilakukan oleh Shaykh al-Maqāri’ ketika proses penyuntingan terhadap manuskrip tersebut.



(a)



(b)

Gambar 13 & 14: (a) Surah al-*Baqarah*, ayat ke-83; (b) Surah al-*Baqarah*, ayat ke-178
Sumber: Koleksi Arkib Negara Malaysia Negeri Johor

Merujuk kepada perbincangan ulama rasm seperti al-Dāniy, Abū Dāud, al-Shātibiy dan al-Kharrāz menyatakan perkataan (وَأَلْفَتْهُمُ) ditulis secara *hazf* alif. Manakala perkataan (فِي الْفَتْحَى) menurut Abū Dāud perkataan tersebut ditulis dengan ya’ sebagai *badal* dari alif (Al-Himyariy 2015). Oleh itu, kedua-dua perkataan tersebut didapati tidak menepati kaedah *rasm ‘Uthmānī* sebagaimana yang telah digariskan oleh para ulama rasm. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat penyimpangan daripada bentuk tulisan yang disepakati dalam tradisi penulisan mushaf, sama ada dari segi penambahan atau penguguran huruf, perubahan ejaan atau kaedah penulisan tertentu yang tidak selaras dengan piawaian rasm yang ditetapkan sejak zaman Khalifah ‘Uthmān ibn ‘Affān RA. Keadaan ini memberi indikasi bahawa penyalin mungkin berhadapan dengan kekangan tertentu, sama ada

berpunca daripada kekhilafan penyalinan, pengaruh tempatan ataupun kerana faktor keterbatasan ilmu rasm yang mendalam.

ii. **Aspek *Dabt***





(a)




(b)

Gambar 15 & 16: (a) Surah *al-Baqarah*, ayat ke-13; (b) Surah *al-Baqarah*, ayat ke-31
Sumber: Koleksi Arkib Negara Malaysia Negeri Johor

Melihat kepada kedua-dua sampel imej di atas pengkaji mendapati penyunting telah melakukan suntingan terhadap perkataan  dan  dengan penambahan tanda hamzah di atas huruf wau pada perkataan (هُؤُلَاءِ اِنْ) dan bawah huruf alif pada (اِنْ). Manakala bagi perkataan (السُّفَهَآٰءُ اِلَّا) penambahan tanda hamzah di atas huruf alif pada (اِلَّا). Kesemua tanda hamzah tersebut adalah menggunakan dakwat berwarna merah agar ia dapat membezakan dengan tulisan asal.

Selain itu suntingan juga dilakukan terhadap huruf yang ditulis tanpa titik seperti pada kalimah (بَلَىٰ), (الَّذِي تَتَّخِذُ الْكُفْرَ بِلِيٍّ) dan (بَلَىٰ). Bagi melihat dengan jelas, sila lihat sampel imej berikut:



(a)



(b)

Gambar 17 & 18: (a) Surah *al-Baqarah*, ayat ke-81; (b) Surah *al-Baqarah* ayat ke-83
Sumber: Koleksi Arkib Negara Malaysia Negeri Johor

iii. Aspek *Qirā'āt*

Manuskrip al-Quran Sumbawa diklasifikasikan sebagai naskhah al-Quran qiraat kerana salah satu teknik penyalinan adalah dengan menerapkan teks catatan qiraat. Teks catatan qiraat merupakan catatan terbanyak dan ia ditulis dengan tulisan saiz lebih besar berbanding saiz teks utama ayat al-Quran. Boleh dikatakan hampir setiap halaman mempunyai catatan qiraat di luar jidar mushaf dengan paduan dua warna utama, merah dan biru. Ruangan yang luas di luar jidar bertujuan sebagai catatan qiraat dengan mendatangkan kalimah-kalimah khilaf sahaja, tanpa penisbahan kepada mana-mana imam qiraat dan tanpa penerapan menggukakan simbol *rumuz* sama ada *ifrād* atau *jamak*. Ia dapat dilihat dengan jelas berdasarkan sampel gambar berikut:



Gambar 19: Teks tambahan kalimah khilaf qiraat
Sumber: Koleksi Arkib Negara Malaysia Negeri Johor

Namun begitu, antara usaha penyuntingan yang dilakukan oleh Shaykh al-Maqāri' ialah penambahan perkataan bertampal yang memuatkan perbincangan qiratt pada bahagian luar jidar manuskrip. Sebagai contoh pada surah *al-Baqarah* ayat 93, terdapat catatan tambahan sebagaimana ditunjukkan dalam sampel gambar berikut. Berdasarkan perbincangan qirā'āt sab'ah, bacaan oleh Imam Abū 'Amr pada huruf *hā'* dan *mīm* adalah dengan baris bawah. Manakala Imam Hamzah dan al-Kisā'ī membacanya dengan baris hadapan pada kedua-dua huruf tersebut (Al-Qāḍiy 2010).



Gambar 20: Surah *al-Baqarah*, ayat ke-93
Sumber: Arkib Negara Malaysia Negeri Johor

Pengkaji berpandangan bahawa pemilihan perkataan tersebut berkait rapat dengan kewujudan perbezaan bacaan dalam kalangan imam qiraat, khususnya riwayat Imam Abū ‘Amr. Hal ini kerana salah satu pendekatan utama yang diterapkan oleh penyunting adalah dengan menandakan atau menjelaskan bacaan qiraat yang berbeza melalui catatan tambahan pada bahagian luar jidar manuskrip. Perkara ini juga dapat dikenal pasti melalui surat rasmi yang pernah diutus oleh beliau kepada Setiausaha Pejabat Agama Johor yang menunjukkan perhatian beliau terhadap aspek perbezaan bacaan qiraat dalam proses penyuntingan manuskrip tersebut.

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa manuskrip al-Quran Sumbawa bukan sekadar naskhah teks keagamaan, tetapi juga merupakan khazanah intelektual yang memperlihatkan tradisi filologi Islam di Alam Melayu. Analisis filologi terhadap aspek rasm, ḍabt, dan qirā’āt menunjukkan bahawa suntingan yang dilakukan oleh Shaykh al-Maqāri’ Tuan Haji Hassan bin Ismail berasaskan prinsip penulisan rasm ‘Uthmānī serta ilmu qirā’āt yang sahih. Usaha beliau dalam memperkemas sistem ḍabt memperlihatkan keprihatinan terhadap ketepatan bacaan, kejelasan teks, dan kesesuaian manuskrip untuk kegunaan ritual dan pendidikan agama.

Selain daripada aspek teknikal, kajian ini juga menyorot kepentingan penglibatan tokoh ulama tempatan dalam memastikan kesinambungan warisan manuskrip al-Quran. Penyemakan dan pengiktirafan yang dilakukan oleh Shaykh al-Maqāri’ bukan sahaja menegaskan ketepatan teks, malah membuktikan pengiktirafan institusi agama terhadap kepakaran beliau. Analisis perbandingan dengan manuskrip al-Quran lain di Nusantara turut menunjukkan bahawa manuskrip Sumbawa mempunyai ciri format, susunan baris, dan pembahagian juz yang konsisten dengan tradisi tempatan, sekaligus memperkaya pemahaman tentang variasi dan penyesuaian tempatan dalam penyalinan al-Quran.

Kesimpulannya, sumbangan Shaykh al-Maqāri’ Tuan Haji Hassan bin Ismail dalam penyemakan manuskrip al-Quran Sumbawa bukan sahaja mencerminkan kemahiran tahkik yang tinggi, tetapi juga memperlihatkan kesinambungan tradisi filologi Islam di Alam Melayu. Manuskrip ini kini dapat dianggap sebagai sumber ilmiah yang bernilai tinggi, yang menyokong kajian lanjut dalam bidang manuskrip al-Quran, filologi Islam, dan sejarah intelektual Nusantara. Kajian ini seterusnya membuka ruang untuk penyelidikan lebih mendalam mengenai pengaruh tokoh ulama tempatan dalam pemeliharaan teks suci serta kepelbagaian tradisi penyalinan al-Quran di rantau ini.

Bibliografi

- Abd Latif Juffri @ Al-Jufri, A. L., & Ahmad Bahru, M. (2012). *Tuan Guru Haji Mohd Yasin: Tokoh Ilmuan Islam Cemerlang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Mutalip, A. R. (2008). *Tuan Haji Hassan Bin Ismail: Sumbangannya terhadap pengajian al-Quran di Johor* (Disertasi Sarjana). Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abū Zaithar. (2009). *Laṭā'if al-Bayān fī Rasm al-Qur'ān*. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah.
- Ahmad, M. H. A.-S., Baharuddin, A. M., & Mohammad, K. A. (2023). Peranan Haji Hassan Ismail dalam pengajian tahfiz al-Quran di Malaysia. *Journal of Ma'ālim al-Quran wa al-Sunnah*, 19(1), 144–156.
- Al-Himyariy, B. H. (2015). *Mu'jam al-Rasm al-'Uthmānī*. Riyad: Markaz al-Tafsīr li al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah.
- Abd Latif Juffri @ Al-Jufri & Masnorindah Mohd Masry. (2010). *40 Tokoh Ulama Johor*. Johor Bahru: Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Ugama Malaysia Barat Cawangan Johor. ISBN 978-9834388461.
- al-Suyūṭī, J. al-Dīn. (2008). *Al-Itqān fī 'ulūm al-Qur'ān* (Vol. 1–2). Cairo: Dār al-Hadīth.
- Al-Qāḍiy, 'Abd al-Fattah. (2010). *Al-Budur al-Zahirah fī al-Qira'at al-'Asyr al-Mutawatirah*. Cet. 3. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Zarkashī, B. M. (2001). *Al-Burhān fī 'ulūm al-Qur'ān* (Vol. 1–2). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Arkib Negara Malaysia Negeri Johor. (t.t.). *Manuskrip al-Quran Sumbawa*. Johor Darul Ta'zim.
- Gallop, A. T. (2015). The art of the Qur'an in Southeast Asia. *Journal of Qur'anic Studies*, 17(3), 1–25.
- Gallop, A. T. (2019). *Malay seals from the Islamic world: Content, form, context and catalogue*. London: British Library.
- Ghānim Qaddūri, A.-H. (2016). *Al-Muyassar fī 'Ilm Rasm al-Muṣḥaf wa Dabṭihi*. Jeddah: Markaz al-Dirāsāt wa al-Ma'lūmāt al-Qur'āniyyah.
- Harun, M. H., Nor Abd Aziz, M. K., & Yahya, S. R. (2019). Historiografi manuskrip Hasnul. (2013). *Kajian Mushaf al-Quran di Indonesia*. Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Quran, Jakarta, Fakultas Ushuluddin Tafsir Hadis.
- Jawi Nusantara: Analisis sejarah dalam *Tuhfat al-Nafis* dan *Sulalat al-Salatin*. *Rumpun: Journal of Southeast Asian Community*, 3(2), 125–142.
- Kadir, M. N., Azmi, R., Saad, M. F. M., Zainol, N. Z. N., & Yunus, M. A. M. (2020). A review on the manuscript of Turkish Quran YWJ68197MSI.4 in database management system (DBMS). *Journal of Quranic Sciences and Research*, 1(1), 34–41. doi:10.30880/jqsr.2020.01.01.005.
- Manuskrip al-Quran Sumbawa. Arkib Negara Malaysia Negeri Johor. Wisma Persekutuan Johor Bahru.

- Mohd Hasbie al-Shiddique bin Ahmad, Abdul Mukti bin Baharuddin & Mohamad, K. A. (2023). *Peranan Haji Hassan Ismail dalam pengajian Tahfiz al-Quran di Malaysia (Haji Hassan Ismail's Role in Quranic Memorization in Malaysia)*. *Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 19(1), 144–156. <https://doi.org/10.33102/jmq.s.v19i1.402>
- Noor Muhammad, S. J. (2020). Pemikiran Tengku Mariam dari aspek budaya dan sejarah dalam penulisan manuskrip Melayu koleksi Muzium Negeri Terengganu. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 26(1), 47–66.
- Shaharuddin Saad, Mohd Fairus A. Adi & Rohana Zakaria (2018). Tok Senggora: Pemegang Sanad Kemasukan Bacaan Al-Quran Di Malaysia. *4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018*. Tenera Hotel. Bandar Baru Bangi. Selangor.
- Syatri, J. (2012). Mushaf al-Quran kuno di Priangan: Kajian rasm, tanda ayat, dan tanda waqaf. *Suhuf: Jurnal Pengkajian al-Quran dan Budaya*, 5(1), 43–64.
- Yakob, M. A., Yaakob, M. A. Z., & Abd Rahim, S. I. (2014). Manuskrip al-Quran dan ilmu-ilmunya (Ulūm al-Quran) di Alam Melayu: Tumpuan terhadap manuskrip ilmu tajwid. Kertas kerja dibentangkan dalam *Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2014*.
- al-Atrash, M. A. S. (2011). *Tarikh al-Qira'at wa al-Qurra'*. Isakandariyah: Dar al-Iman.